



Warga Proaktif, INTURA Inovatif

INTURA Naib Johan KIK 2016

Tahniah kepada INTURA yang telah muncul **Naib Johan** Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Tahun 2016 yang telah diadakan pada 10 November lalu di Dewan Mezzanine, Aras 2, Blok C1, JPA Putrajaya. Sesi Pengumuman dan Penyampaian Hadiah bagi Pemenang Konvensyen KIK JPA Tahun 2016 telah diadakan semasa Perhimpunan Bulanan JPA bagi bulan Disember pada 22 Disember 2016 bertempat di Auditorium, Aras 4, Blok C1, Kompleks C, JPA Putrajaya.

INTURA yang diwakili oleh Kumpulan **Gempaq 2.0** telah berjaya menyelesaikan masalah ‘**Pergerakan**



Dr. Faizal menerima 'mock cheque' daripada YBhg. Tan Sri KPPA

Pegawai Sukar Dikesan’ melalui satu sistem yang dikenali sebagai **Sistem Pergerakan Pegawai (i-Gerak)**. Mereka telah berjaya membawa pulang sijil, plak, dan wang tunai berjumlah RM 2000. Johan telah dimenangi oleh Kumpulan The Contractors dari Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Maklumat Strategik (BPMS), JPA. Mereka turut membawa pulang sijil, plak, dan wang tunai berjumlah RM 3000.



INTAN Bukit Kiara Johan Anugerah Inovator

Selain itu, satu lagi pencapaian yang membanggakan untuk INTAN ialah Kumpulan The Intelligent yang memperkenalkan Sistem Intelligent DPA (i-DPA) telah muncul Johan Anugerah Inovator JPA (Kategori ICT). Kumpulan telah menerima sijil, plak, dan wang tunai berjumlah RM 1000. Hadiah telah disampaikan oleh YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA).

Perhimpunan Bulanan JPA kali ini merupakan hari terakhir perkhidmatan YBhg. KPPA dalam sektor awam. Majlis meraikan persaraan beliau dengan tayangan montaj khidmat bakti beliau sepanjang 32 tahun dalam perkhidmatan awam dan pelancaran buku “**Transformasi Perkhidmatan Awam: Menjawab Transformasi, Mengkhidmati Rakyat**” hasil tulisan beliau sendiri.



Pelancaran Buku

Taklimat Pencegahan Kebakaran

Taklimat Pencegahan Kebakaran untuk warga INTURA telah diadakan pada 1 Disember 2016 bertempat di Dewan Razak, INTURA. Objektif utama taklimat ini diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran terhadap keselamatan diri dan juga melengkapkan setiap warga INTURA dengan pengetahuan asas untuk mencegah kejadian kebakaran berikutan kadar peratusan kebakaran yang semakin meningkat berbanding pengetahuan tentang cara menangani kebakaran dan langkah menyelamatkan diri yang masih lagi berada di tahap yang tidak memuaskan. Taklimat telah disampaikan oleh En. Alvin dari Pusat Kempen Mencegah Kebakaran. Pengisian taklimat antaranya ialah bagaimana dan punca berlakunya kebakaran, kaedah menyelamatkan diri, dan kaedah keselamatan ketika berlakunya kebakaran di rumah, di tempat kerja atau dalam kereta. Warga INTURA juga diberi pendedahan tentang cara-cara menggunakan alat pemadam api yang betul melalui demonstrasi memadam kebakaran dan berpeluang melakukan sendiri cara memadam kebakaran menggunakan alat pemadam api.



Dr. Faizal turut mencuba menggunakan alat pemadam api untuk memadam kebakaran

Handy Financial Tips For The New Year

There is no better way to kick off the New Year than with the best financial resolution in mind, namely lowering your debt pile, says Wikus Olivier, debt management expert at DebtSafe.

He shares a few handy tips on becoming a debt free consumer this coming year:

A resolution means nothing without a budget

You've probably heard it a thousand times, but have you really taken a few minutes to set up a budget? Creating a budget will allow you to keep your spending in check. You'll be able to evaluate your income and rank your expenditures to establish their relative importance.

Olivier says you can draw-up a budget on a piece of paper, use an online template or even consider using an app. Choose the option that would work best for you and stick to it.

An important tip that consumers tend to forget when they compile their budget is, to do it with the help of their bank statements. Your bank statement clearly indicates how much money you spend and on what you spend it.

With this in-depth overview you will see exactly where you can cut on unnecessary costs. These days, it has become too easy to use credit cards without thinking if you really budgeted for certain items. This is how you will prevent "saving leaks". Make it your new year's resolution to lower your debt pile and to avoid those "leakages".

Make use of good spending habits

Change your bad spending habits by recognising it for what it is and by doing something about it. The daily

coffees, bought lunches and retail therapy sessions are but a few habits that weaken your finances and add to your debt heap.

Rather create good spending habits by cutting unnecessary expenses each month and instead saving for those unforeseen emergencies. Implementing these good spending habits on a regular basis will soon ensure that it becomes second nature and part of your lifestyle.

Live within your means

You only earn a specific amount of income each month. Therefore, do not use your savings and credit cards to extend your earnings. This will cause you to buy more things than your income can allow and it will only contribute to deeper debt trouble. Close your spending circle. Determine how much would be enough for you and stick to it.


Get rid of debt bit by bit

One of the smartest tactics to get debt out of the way is to make minimum payments on all of your debts and to make use of the so called snow ball effect. Choose the one account with the highest interest rate and focus all of your extra payments on paying that one off first.

With these little and consistent steps money becomes available when you finish paying off accounts. You can then allocate the available amount to the next debt account. This will ensure that you become debt-free sooner than you plan or think.

Extract from www.fin24.com


Bahan Bacaan Pilihan Bulan Disember



Buku ini menganalisis tentang persoalan epistemologi daripada dua tokoh iaitu al-Ghazali dan Konfusius. Kajian menunjukkan bahawa perbezaan wujud dalam falsafah masing-masing dan amat ketara pada tahap sumber dan hierarki ilmu. Namun masih banyak ciri-ciri kesamaan dan keserasian objektif dan metodologi penyebaran dan pembelajaran boleh dikongsi untuk memperlengkapkan sistem pendidikan moden kini.



Buku ini merupakan hasil penyelidikan lapan penyelidik di tiga pusat penyelidikan di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). Buku ini mencakupi elemen kepimpinan, kepimpinan menurut Imam al-Ghazali, kepimpinan sebagai amanah, sifat pemimpin berintegriti, matlamat kepimpinan, maqasid syariah dan komunikasi kepimpinan.



Buku ini mencakupi topik utama e-pembelajaran termasuk penggunaan aplikasi rangkaian sosial seperti blog, wiki, podcast dan e-portfolio. Secara praktikal, teks fleksibel membantu pelajar meningkatkan dan mengembangkan kemahiran mereka yang sedia ada sama ada seorang pelajar jarak jauh, atau di institusi yang mempunyai e-pembelajaran bersepadu dalam program mereka.

SEKITAR PERHIMPUNAN BULANAN JPA



AMANAT TERAKHIR



PELANCARAN BUKU



RAMAI YANG TAK MELEPASKAN PELUANG UNTUK BERSWAFOTO DENGAN KPPA



INTURA NAIB JOHAN KIK



TERSENYUM BANGGA

TAKLIMAT PENCEGAHAN KEBAKARAN



PEACE!!!



JANGAN TAKUT. SELIMUT INI TAHAN PANAS



JADILA SIKIT-SIKIT KAK FAUZIAH... PADAM DAH TU...



OOO.. INGATKAN SEMBUQ HABIH SATU TONG

Hadis Pilihan

Memberi Bantuan Kepada Yang Memerlukan

Hadis

Daripada Abu Said al-Khudri RA katanya, pada suatu ketika kami sedang dalam perjalanan bersama-sama rombongan Nabi SAW, tiba-tiba datangnya seorang lelaki di atas kenderaan, maka ia menoleh pandangannya ke kanan dan ke kiri, kemudian Rasulullah SAW bersabda, "Sesiapa yang mempunyai kenderaan yang melebihi dari keperluan sendiri hendaklah bersedekah kepada orang yang tidak mempunyai kenderaan dan sesiapa yang mempunyai lebih bekalan makanan

hendaklah ia bersedekah kepada orang yang tidak mempunyai apa-apa bekalan makanan. Selanjutnya Junjungan menyebut berbagai-bagai harta benda hingga kami ketahui bahawasanya tidak ada hak bagi sesiapa daripada kami kadar yang lebih daripada keperluan.

(Hadis Riwayat Muslim)

Huraian

1. Islam menggalakkan umatnya supaya memberi pertolongan dan bantuan kepada orang-orang yang susah dan orang-orang yang memerlukan bantuan sama ada dari segi harta benda, kewangan dan sebagainya.
2. Hikmah digalakkan bersedekah ialah mengelakkan daripada mementingkan diri sendiri sebaliknya mengeratkan persaudaraan dalam Islam.

Sumber: Kitab Riyadhus Salihin (JAKIM)

Tahukah Anda ?

Microsoft Lync 2010 yang ditawarkan dalam perkhidmatan **1GovUC** sejak 2012 telah dinaiktaraf kepada **Skype for Business (SfB)** bermula 20 September 2016. Di bawah Komunikasi Bersepadu (UC), SfB menyediakan perkhidmatan berikut:

- Instant Messaging
- Audio Conferencing
- Video Conferencing
- Web Conferencing
- Remote and Share Desktop

Sumber: Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Maklumat Strategik (BPMS), JPA

Kursus Sepanjang Januari 2017

SEMINAR/ PROJEK KHAS

1. Study Tour By The Senior Delegation From The Public Service Commission of Sri Lanka to Malaysia
21/01/2017 hingga 27/01/2017

PENGGUNAAN TEMPAT

1. PAC PTD
07/01/2017 hingga 26/01/2017



1 Sentiasa Di Hadapan Memacu Transformasi Melalui Pembelajaran



INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA
KAMPUS WILAYAH UTARA
PETI SURAT 94, JALAN KUALA KETIL
08007 SUNGAI PETANI, KEDAH
Tel : 04-4218321 Faks : 04-4214489

www.intanbk.intan.my

maklumbalas@intura.intan.my

INTAN Kampus Wilayah Utara

Untuk pertanyaan kursus hubungi :

Setiausaha Kursus : 04-4218321

samb. **238** (Pn. Nazmeen bt. Shaik Daud/ Pn. Ku Intan Shakinah bt. Ku Ahmad)

samb. **118** (Pn. Mimi Noorzan bt. Abd Hamid/ Pn. Zuraida bt. Chin)